

**UCAPAN KETUA MENTERI DI PERSIDANGAN
AGONG UMNO MENGENAI PENYATA RAID
DI KUALA LUMPUR PADA 23HB FEBRUARI,
1957**

Merdeka.

Tuan-tuan, Yang Berhormat Menteri-menteri dan Ahli-ahli Council,

Saya akan bercakap dengan bahasa Melayu mulanya dan lepas daripada itu saya akan bercakap dengan bahasa Inggeris. Pertamanya saya mengambil peluang semasa tuan-tuan berhimpun di sini memberi keterangan kenapa saya genggam tangan apabila saya berseru Merdeka. Di Indonesia saya telah beri keterangan itu tetapi di Tanah Melayu belum memberikan keterangan. Jadi telah berbangkit silap faham antara orang-orang kita. Seumpamanya saya telah pun ditegur. Katanya genggam penumbuk seumpama ini ialah syarat daripada parti komunis dan bukan syarat parti-parti yang lain daripada parti komunis. Jadi di sini saya beri keterangan cogan itu. Kita belum lagi dapat Merdeka sungguhpun kita pakai cogan Merdeka. Jadi dengan genggam penumbuk ini bermaknalah kita tetap hati dan dalam tangan kita ini menunjukkan semangat genggam kita bahawa kita akan mencapai kemerdekaan. Jadi ini satu sumpah bahawa selagi kita tidak Merdeka maka syarat kita mesti genggam penumbuk apabila kita berseru Merdeka. Lagi sekali saya minta tuan-tuan menyeru Merdeka dengan suara yang kuat. Merdeka! tak kuat, tak kuat. Ini bukan bererti hendak Merdeka. Lagi sekali, Merdeka! tak kuat. Cukup dengan genggam penumbuk, Merdeka! baik sikit, baik sikit.

Pertamanya saya suka hendak memberitahu kepada tuan-tuan saya berasa bangga dan sombong bahawa saya nampak tuan-tuan sekalian daripada semua bangsa telah pun berhimpun di Majlis ini dengan sangat ramainya. Perhimpunan yang seumpamanya ini kita biasa lihat di Indonesia dan di India, tetapi jarang barangkali kita lihat seumpamanya itu ada di Tanah Melayu ini. Inilah menunjukkan bahawa orang-orang di sini telah pun bersatu hati untuk Merdeka dan kerana itu kita berhimpun. Saya berasa

sombong dan suka hati di atas sokongan yang tuan-tuan beri selama Perikatan memegang teraju pemerintahan negeri ini. Sokongan yang kita lihat pada hari ini ialah satu sokongan yang menambah semangat dan hati kepada ketua-ketua Perikatan yang telah menjalankan kerjanya. Amanah yang tuan-tuan telah letakkan atas bahu dan kepada saya sekalian, Insya-Allah, saya akan junjung dengan junjungan yang berat.

Saya harap amnesty ataupun pengampunan beramai-ramai yang kita telah keluarkan kepada komunis akan diterima oleh komunis. Dengan bantuan yang tuan-tuan beri itu maka komunis patut tahu dan patut ingat amnesty itu dikeluarkan ialah dengan kehendak tuan-tuan sekalian, kerana kita ini berdasarkan kepada kerajaan yang aman, berdasarkan kepada perdamaian antara satu dengan lain, antara penduduk-penduduk di sini. Dengan itu kita tak mahu lagi ada pergaduhan sebagaimana yang telah ada pada hari ini. Kita tidak mahu orang-orang buang nyawa dengan tak ada satu faedah, dengan tidak ada satu tujuan yang baik kerana jikalau orang-orang mahu merdeka, merdeka itu boleh tercapai dengan jalan yang lain, bukan dengan jalan tembak menembak dan berbunuh. Komunis telah tembak menembak, telah bergaduh begini lama tetapi dalam pandangan kita makin jauh tujuannya makin jauh kehendaknya. Jadi tidak ada faedah yang kita hendak bergaduh lagi. Jadi dengan kerana itu kita hendak berdamai dan kita harap mereka itu tentulah ingat dan akan menerima pengampunan beramai-ramai. Kita keluarkan tawaran itu ialah kerana memandangkan bahawa tawaran itu ialah tawaran yang sangat baik, tawaran yang berpatutan kerana di dalam tawaran itu kita hendak mengampunkan komunis-komunis di atas segala kesalahan yang mereka telah lakukan selama ini. Jikalau dalam hal itu mereka hendak tawaran yang lebih baik lagi mereka boleh sebutkan kepada saya apabila saya berjumpa dengan Chin Peng. Jadi inilah yang kita hendak berjumpa dengan Chin Peng itu kerana jikalau Chin Peng serahkan nasibnya di dalam tangan orang-orang ramai bahawa saya percaya orang ramai akan bertimbang rasa, kalau orang ramai hendak semua manusia tinggal dengan baik antara satu dengan lain bukan dengan cara bermusuh-musuhan itu.

Di dalam perhimpunan ini kita lihat orang-orang daripada segala bangsa, segala umur, sama ada yang tua, muda, besar dan kecil. Orang-orang ini semua berkehendakkan saya menyeru kepada

komunis supaya mereka menyerah diri. Saya harap di dalam perjumpaan antara saya dengan Chin Peng itu bolehlah kita selesaikan hal ini. Dengan selesainya perkara ini dapatlah negeri kita kembali semula kepada keamanan dan wang ringgit yang kita keluarkan selama ini untuk berperang dengan mereka itu bolehlah digunakan untuk memperbaiki rumah orang-orang miskin, memperbaiki keadaan orang ramai, membesarkan sekolah-sekolah dan lain-lainnya kerana kita telah berbelanja bermilion-milion ringgit di dalam pergaduhan ini. Dengan ini wang itu dapatlah disimpan untuk faedah orang ramai, sekiranya peperangan ini dapat ditamatkan. Semua orang mahu merdeka, semua orang cuba hendak bekerja untuk mencapai kemerdekaan dan saya harap jika komunis sebenarnya mahu kemerdekaan untuk Malaya maka mereka mahu lah menyerah diri. Jikalau mereka tidak mahu menyerah diri dengan Kerajaan yang ditubuhkan oleh rakyat sendiri maka bermaknalah komunis ini bukan mahu kemerdekaan bagi Malaya cuma Merdeka untuk komunis dan itu akan menunjukkan bahawa komunis hendakkan permusuhan dengan kerajaan dan rakyat di negara ini.

Saya suka hendak mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan yang dengan susah payahnya telah meninggalkan rumah tangga masing-masing datang dari jauh kerana hendak mengambil bahagian di dalam perarakan yang akan kita adakan pada hari Ahad ini, hari yang lazimnya tuan-tuan dapat duduk dengan senang di rumah, hari yang tuan-tuan bercuti, hari yang tuan-tuan berehat, tiba-tiba tuan-tuan datang kesini kerana hendak bersama dengan kita semua berseru kepada komunis supaya menyerah diri. Kepada tuan-tuan semua saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih.

Sedikit masa lagi perjalanan kita untuk Merdeka akan sampai pada tangga yang ketiga iaitu apabila delegation ini atau rombongan ini pergi ke London. Kita berunding dengan Kerajaan British untuk bekerja sendiri, dan juga kita berunding supaya diserahkan kuasa negeri ini kepada kita. Sekiranya dapat kepada tangan kita akan bermakna bahawa Kerajaan Melayu akan memerintah sendiri atau Self-Government telah pun sampai. Jadi saya haraplah kepada tuan-tuan sekalian tolonglah berdoa supaya maksud kita itu, cita-cita kita itu dapatlah disempurnakan.

dapatlah tercapai dengan baiknya. Saya percaya dengan sokongan yang tuan-tuan berikan seumpamanya yang dilihat pada hari ini Inshaallah apa yang kita inginkan, apa yang kita cita-citakan itu Inshaallah akan tercapai. Selepas kita balik daripada England saya harap dapatlah diberitahu kepada tuan-tuan. Sudah pun tuan-tuan tahu haribulan, jam kita hendak merdeka itu barulah tuan-tuan akan berasa tetap di dalam hati tuan-tuan bahawa merdeka yang dituntut, merdeka yang kita jerit, berteriak dan bertempok itu akan dapat di tangan kita.

CATITAN: Ucapan ini telah diedit dari teks asalnya.